

MSIA Reading Series 5

“PEMANTAUAN PENGURUSAN IMPAK : AMALAN TERBAIK DAN TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN DALAM KONTEKS PIHAK BERKUASA”

Panel Speakers:

TPr. Nik Noraisu Nik Ibrahim
Puan Rohimah Ayub

Moderator:

TPr. Ts. Dr Gobi Krishna Sinniah

April 2022

Edited By

Mohd Shahwahid H.O., Nik
Noraisu N.I., Rohimah A.
(2022)



The poster features a background image of the Petronas Towers in Kuala Lumpur. At the top left is the MSIA logo with the text 'Malaysian Association of Social Impact Assessment'. The main title is in a dark blue box with white text: 'HARD TALK MSIA PEMANTAUAN PENGURUSAN IMPAK: AMALAN TERBAIK DAN TAHAP KEBOLEHLAKSANAAN DALAM KONTEKS PIHAK BERKUASA'. Below this, the date '11 APRIL 2022' and time 'ISNIN 2:30PTG - 4:00PTG' are listed, along with 'MEETING ID : 955 230 1157' and 'PASSWORD : 4Cy8VE'. A Zoom logo is present. On the right, three speakers are listed with their photos: Panel 1 (TPr. NIK NORAISU BINTI NIK IBRAHIM), Panel 2 (PUAN ROHIMAH BINTI AYUB), and Moderator (TPr. Ts. Dr. GOBI KRISHNA SINNIH). At the bottom left, social media links for Facebook and email are provided, along with the website 'WWW.MSIAMY.ORG'.

MSIA
Malaysian Association of Social Impact Assessment

HARD TALK MSIA
PEMANTAUAN
PENGURUSAN IMPAK:
AMALAN TERBAIK DAN TAHAP
KEBOLEHLAKSANAAN DALAM
KONTEKS PIHAK BERKUASA

11 APRIL 2022
ISNIN
2:30PTG - 4:00PTG
MEETING ID : 955 230 1157
PASSWORD : 4Cy8VE

zoom

Panel 1
TPr. NIK NORAISU
BINTI NIK IBRAHIM
Pengarah
Bahagian
Penyelidikan dan
Pembangunan,
PLANMalaysia

Panel 2
PUAN ROHIMAH
BINTI AYUB
Pengarah
Bahagian Penilaian,
Jabatan Alam
Sekitar

Moderator
TPr. Ts. Dr.
GOBI KRISHNA
SINNIH
Ahli Jawatankuasa
MSIA (No. A013)

Malaysian Association of
Social Impact Assessment
siamalaysia@gmail.com
WWW.MSIAMY.ORG



1. Pengenalan

Penilaian impak alam sekitar dan sosial ke atas projek pembangunan amat penting dalam arus mengembangkan ekonomi negara. Pelaporan impak-impak ini perlu dibuat dalam bentuk Penilaian Impak Sosial (SIA) yang disediakan untuk PLANMalaysia dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Pengetahuan asas perundangan, falsafah serta prinsip, amalan dan pemantauan ke dua laporan impak membolehkan pemahaman yang lebih jelas ke atas proses yang dilalui oleh dua Jabatan ini dalam memperkasakan kelestarian perkembangan pembangunan negara. Justeru itu halatujau pemantauan dan kebolehlaksanaan oleh PLANMalaysia dan Jabatan Alam Sekitar ke atas pengurusan impak sosial dan alam sekitar di negara ini amat penting bagi memastikan kelangsungan projek-projek pembangunan di negara ini.

Hard Talk MSIA 11 April 2022 telah menyediakan perbincangan menarik berkaitan pengamalan penilaian impak projek pembangunan samada dalam bentuk Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA). Bagi sesi kali ini MSIA telah menjemput dua orang pakar untuk menyerikan perkongsian Hard Talk ini. Mereka adalah Puan Nik Noraisu Nik Ibrahim¹ dan Puan Rohimah Ayub². Topik yang diketengahkan untuk perbincangan Hard Talk MSIA ini adalah “Pemantauan Pengurusan Impak : Amalan Terbaik Dan Tahap Kebolehlaksanaan Dalam Konteks Pihak Berkuasa”

.

Motif Hard Talk MSIA ini berkisar sekitar

- i. Falsafah, Asas Perundangan dan Pengurusan Penyediaan Laporan SIA dan EIA
- ii. Statistik Penerimaan Laporan SIA dan EIA
- iii. Pendekatan pemantauan pengurusan impak dan kebolehlaksanaan oleh PLANMalaysia dan Jabatan Alam Sekitar
- iv. Halatujau pemantauan dan kebolehlaksanaan oleh PLANMalaysia dan Jabatan Alam Sekitar.

¹ TPn Nik Noraisu Nik Ibrahim merupakan Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia. Beliau memperolehi Bachelo Perancangan Bandar dan Desa dari Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru dan Master Sains Pengurusan Sumber Tanah dari Universiti Putra Malaysia, Serdang.

² Puan Rohimah Ayub merupakan Pengarah, Bahagian Penilaian Jabatan Alam Sekitar. Beliau memperolehi Bachelo Sains Kejuruteraan Awam, California State University.

2. Falsafah, Asas Perundangan dan Pengurusan Penyediaan Laporan SIA dan EIA

2.1 SIA

PLANMalaysia mempelopori SIA untuk projek pembangunan disebabkan oleh pelbagai faedah yang boleh diperolehi. Faedah-faedah yang boleh diperolehi hasil daripada pelaksanaan SIA adalah seperti berikut:

- i. Kesaksamaan sosial dan ekuiti.
- ii. Penerimaan komuniti terhadap projek pembangunan.
- iii. Memaksimumkan faedah sosio ekonomi dan meminimumkan kos.
- iv. Mempertingkatkan keberkesanan projek melalui pengetahuan dan pengalaman tempatan.
- v. Membangunkan kapasiti komuniti.
- vi. Melindungi golongan mudah terjejas (*vulnerable group*).

Faedah-faedah ini melibatkan Kerajaan, Komuniti dan Sektor Swasta:

- Kepada Kerajaan
 - i. Dasar inklusif kerajaan dapat dilaksanakan di mana semua golongan dapat menikmati hasil kemakmuran negara melalui pelaksanaan SIA.
 - ii. Proses membuat keputusan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berasaskan maklumat kuantitatif dan analisis yang telah dibuat.
- Kepada Komuniti
 - i. Pandangan serta aspirasi komuniti dijadikan input yang penting di dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan melalui penyertaan awam yang berkesan.
 - ii. Meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat iaitu mengelakkan kesan tidak diinginkan dan mewujudkan kesan-kesan yang baik.
- Kepada Sektor Swasta
 - i. Projek dapat berjalan lancar tanpa ada gangguan.
 - ii. Mencegah kesilapan dan kos luar jangka yang perlu ditanggung.


Dari sudut pandangan PLANMalaysia, perancangan dan pembangunan (P&P) haruslah berpandukan kepada prinsip-prinsip yang berasaskan nilai-nilai murni sejagat. Matlamat pembangunan sebenar hanya akan tercapai sekiranya manusia memiliki sifat-sifat terpuji menerusi penghayatan nilai-nilai murni tersebut. Ini adalah kerana pembangunan yang ingin diwujudkan ialah "pembangunan seimbang di antara fizikal (kebendaan dan luaran), kerohanian (dalaman) dan nilai-nilai murni manusia". Pembangunan bukan sahaja bermaksud perubahan (dari segi sosio-ekonomi³ dan peningkatan teknologi) dan

pertumbuhan kuantitatif (pembangunan fizikal dan alam sekitar) tetapi juga melibatkan aspek kualitatif dari segi dalaman manusia iaitu kerohanian, moral dan etika individu serta masyarakat. Ini selaras dengan Falsafah Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat yang bersifat menyeluruh, manusia sebagai fokus pembangunan, aktiviti pelbagai dimensi, perubahan kuantitatif dan kualitatif serta penggunaan dan pengagihan sumber dengan saksama. Konsep pembangunan yang berasaskan nilai-nilai murni sejagat dijadikan landasan dalam membentuk prinsip perancangan dan pembangunan dan ini termaktub di dalam Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat (DPPS) yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia yang kini dipanggil PLANMalaysia. Doktrin ini merupakan hasil kepekaan PLANMalaysia kepada kepentingan pembangunan insan dalam pembangunan negara supaya dapat diwujudkan keseimbangan di antara pembangunan fizikal dengan pembangunan insan dari segi spiritual dan nilai-nilai murni sejagat untuk kemajuan negara yang berketahanan. Ia juga berhasrat dapat menangani kepincangan masyarakat dan menitikberatkan penjagaan alam sekitar.

Teras utama DPPS ini ialah integrasi nilai kerohanian dalam perancangan dan pembangunan. Nilai kerohanian ini pula adalah hasil daripada jalinan tiga hubungan yang menjadi asas sesuatu masyarakat, iaitu;

- *Hubungan MANUSIA dengan PENCIPTA;*
- *Hubungan MANUSIA dengan MANUSIA; dan*
- *Hubungan MANUSIA dengan ALAM SEKITAR.*

Doktrin ini berlandaskan beberapa prinsip-prinsip Perancangan dan Pembangunan Sejagat yang berasaskan nilai-nilai murni sejagat mengikut ketiga-tiga hubungan. Nilai-nilai ini melibatkan nilai adil, ihsan, amanah dan berwibawa, perpaduan, menghormati ilmu dan mengingati pencipta. Prinsip-prinsip Perancangan dan Pembangunan yang dititik-beratkan PLANMalaysia melibatkan 12 prinsip seperti dibawah:




Prinsip-prinsip di atas digunakan sebagai rujukan di dalam merumus garis panduan atau manual SIA yang melalui beberapa proses daripada 2012 sehingga 2022.


- i. Manual Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan 2012



- ii. Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (Edisi Kedua) 2018



- iii. Cadangan Panduan Pelaksanaan Bagi Projek Pembangunan (PPSIA), 2022 (pada ketika penulisan ini belum diterima pakai lagi)




Amalan sediada menurut Manual Penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Projek Pembangunan (Edisi Ke-2) 2018 terdapat tiga (3) kategori SIA. Untuk SIA Kategori 1, punca kuasa penyediaan laporan SIA datangnya daripada Seksyen 20B Akta 172, yang perlu mendapatkan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) terlebih dahulu, di mana cadangan pemajuan berserta laporan SIA hendaklah dikemukakan kepada MPFN.

SIA Kategori 1

Projek Berskala Besar Yang **Berkepentingan Negara** – impak sosial ketara di peringkat negara

(MENDAPATKAN **NASIHAT MPFN** DI PERINGKAT **AWAL PERANCANGAN**)

- Penebusgunaan pinggir laut melebihi 50 hektar
- Lapangan terbang antarabangsa
- Pelabuhan nasional
- Rangkaian pengangkutan kereta api merentasi 2 negeri atau lebih
- Stesen jana kuasa untuk kegunaan negara
- Empangan untuk kegunaan negara



SIA Kategori 2 meliputi projek pembangunan di bawah subseksyen 22(2A), Akta 172 yang juga hendaklah dirujuk kepada MPFN untuk nasihat. Memandangkan projek-projek di bawah subseksyen 22(2A) adalah berskala besar dan mempunyai impak yang tinggi, maka laporan SIA hendaklah disediakan.

SIA Kategori 2

Projek Berskala Besar – impak sosial ketara di peringkat negara
(MENDAPATKAN **NASIHAT MPFN** DI PERINGKAT
PERANCANGAN **TERPERINCI**)

- Perbandaran baru melebihi 100 hektar atau menjana penduduk melebihi 10 ribu
- Lapangan terbang swasta
- Terminal kontena swasta
- Lebuhraya swasta



SIA Kategori 3 meliputi projek-projek selain daripada yang di bawah SIA Kategori 1 dan SIA Kategori 2, tetapi dikenalpasti oleh PLANMalaysia@Negeri atau PBT mempunyai impak sosial yang ketara, dan tidak mencukupi untuk hanya dipertimbangkan melalui Laporan Cadangan Pemajuan yang disediakan di bawah perenggan 21A(1)(ea), Akta A1522. Oleh itu, bagi projek-projek pembangunan sedemikian, laporan SIA perlu disediakan dan dinilai secara berasingan. Disamping itu projek pembangunan yang bersifat strategik dan merentasi dua (2) PBT atau lebih, atau menampung penduduk tadahan yang meliputi dua (2) PBT atau lebih, maka kelulusan SIA adalah di peringkat Jawatankuasa Panel SIA di peringkat negeri.

SIA Kategori 3
Projek Berkepentingan Negeri – impak sosial ketara di PERINGKAT NEGERI Contoh: • Taman tema / pusat hiburan berskala besar • Tapak pelupusan sisa pepejal • Loji dan pusat penapisan minyak • Projek akuakultur atau penternakan berskala besar



Wujud pelbagai pihak berkepentingan dalam proses penyediaan dan penilaian laporan SIA. Umumnya ini termasuklah:

i. Kumpulan Terjejas

Kumpulan ini boleh melibatkan pihak yang kehilangan rumah atau tanah dan adakalanya kehilangan punca pendapatan. Dalam keadaan lain kumpulan ini tidak kehilangan aset nyata tetapi boleh mengalami pelbagai pencemaran termasuk pencemaran fizikal seperti bunyi, air, udara dan ada kalanya gangguan bukan fizikal seperti peningkatan jenayah dan konflik budaya dan gaya hidup.

Kumpulan ini tidak semestinya mengalami kesan negatif sahaja. Dalam hal-hal tertentu kumpulan ini boleh juga digolongkan sebagai kumpulan atau pihak mendapat faedah atau manfaat secara langsung seperti peluang pekerjaan kepada ahli keluarga atau peluang perniagaan.

ii. Kumpulan Yang Berminat

Kumpulan ini mungkin tidak terkesan secara langsung. Tetapi boleh merupakan pihak yang mengambil berat atau berpengaruh terhadap projek. Mereka terdiri daripada pihak yang berpengetahuan tentang impak yang mungkin muncul akibat daripada cadangan projek. Di atas rasa tanggungjawab mungkin tampil untuk bersuara.

iii. Pihak Berkuasa

Pihak ini merupakan agensi yang dipertanggung-jawabkan untuk menguat-kuasakan

Akta, enakmen atau garis panduan berkaitan penyediaan dan pelaksanaan laporan SIA. Bergantung kepada wilayah yang menguat-kuasakan keperluan dan pelaksanaan laporan SIA, ia melibatkan PLANMalaysia atau PLANMalaysia Negeri dan pihak berkuasa negeri (PBN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sasaran yang hendak dicapai daripada pelaksanaan penyediaan Laporan SIA adalah untuk

- i. mengelak impak negatif secara berterusan.
- ii. mengurangkan impak keseluruhan sekiranya tidak dapat dielakkan.
- iii. memastikan pampasan yang saksama bagi impak residual atau tidak dapat dielakkan.
- iv. memaksimumkan potensi impak positif.

2.2 EIA

Proses perundangan dan pelaksanaan EIA sudah lama bertapak di Malaysia berbanding dengan SIA. Evolusi EIA di Malaysia bermula daripada 14 March 1974 sehingga kini boleh disenaraikan seperti berikut:

- Pewartaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA) 1974
- Perintah Kualiti Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Ditetapkan) (EIA) 1987
- Buku Panduan EIA diterbitkan pada tahun 1990
- Pengenalan skim pendaftaran jururunding diperkenalkan pada tahun 1994
- Pameran awam laporan EIA dan Terma Rujukan (TOR) bermula pada 1999
- Perancangan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) diwajibkan pada tahun 1999
- Piagam pelanggan diperkenalkan pada tahun 2004
- Keperluan memamerkan Ringkasan Eksekutif di laman sesawang pada tahun 2009
- Muatnaik keseluruhan Laporan EIA di laman sesawang pada 2012
- Berlakunya pindaan AKAS 1974, Seksyen 34A, 34AA pada tahun 2012
- Buku Panduan EIA dikemaskini pada tahun 2013
- ISO 19000 pada tahun 2015
- Perintah Kualiti Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Ditetapkan) (EIA) pada tahun 2015
- TOR disahkan di JAS Negeri pada tahun 2016
- Sijil Inspektor Bertauliah dalam Sedimen dan Kawalan Hakisan (CISEC) yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah pada tahun 2016.
- Panduan EIA (EGIM) diterbitkan pada tahun 2016
- Sesi libat urus bersama agensi kerajaan pada tahun 2017

- Penggunaan borang EIA 1-18 dan EIA 2-18 bermula pada tahun 2018
- Skim pendaftaran jururunding (atas talian/myCEP) pada tahun 2020
- TOR dimansuhkan bagi Jadual Pertama pada tahun 2020
- Pengiklanan seranta awam melalui akhbar atas talian dan penggunaan kod QR pada tahun 2020
- Laporan EIA bentuk *softcopy* dan Ringkasan Eksekutif (infografik) diperkenalkan pada tahun 2020
- Penerbitan 32 buku garis panduan EIA pada tahun 2020
- Nota Skoping bagi EIA Jadual 1 diperkenalkan pada tahun 2021.

Tahun-tahun 1974-1987 merupakan fasa pengwartaan Akta dan Perintah Kualiti Alam Sekitar. Ini diikuti dengan fasa pengukuhan (1990-2015) di mana berlaku Pindaan AKAS 1974, Seksyen 34A, 34AA dan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Ditetapkan) (EIA) 2015 serta ISO 19000 pada tahun 2015 juga. Pada Fasa 2016-2020 berlaku penubuhan pasukan skuba, SOP Penguatkuasaan EIA, SOP Perintah Larangan (*Stop Work Order*), Garis Panduan Mengenai Langkah-Langkah Pencegahan Dan Tebatan Pencemaran Mengganggu Tanah (LDP2M2) dan penyediaan tempoh pembaharuan skim pendaftaran jururunding. Fasa 2020-2021 merupakan fasa pengukuhan prosedur EIA di Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK12).

Punca kuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai agensi penguatkuasaan yang mentadbir dan menguatkuasa alam sekitar datangnya daripada

- i. Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127)
- ii. Bahagian IV, (Perlindungan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Laut), Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984 (Akta 311)

Keperluan perundangan berkaitan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) terletak di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) 1974 di bawah :

- i. Seksyen 34A yang menetapkan keperluan penyediaan EIA dan kelulusan EIA
- ii. Seksyen 34AA yang mempunyai Perintah Larangan dan Perintah Berhenti Kerja
- iii. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015
- iv. Perintah Umum: Apa-apa Perintah dan Peraturan di bawah peruntukan AKAS 1974

Wujud pelbagai pihak berkepentingan dalam penyediaan dan penilaian laporan EIA. Ini termasuklah:

- Jabatan Alam Sekitar yang merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam mengurussetiakan pemprosesan dan penilaian Laporan EIA dan membuat keputusan kepada Laporan EIA yang dikemukakan.
- Penggerak Projek yang merupakan orang yang berhasrat menjalankan cadangan pembangunan bagi Aktiviti Yang Ditetapkan dan mengemukakan Laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar.
- Jururunding EIA yang merupakan orang yang layak menyediakan Laporan EIA dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar.
- Panel Penilai Pakar yang merupakan orang yang dilantik bagi membantu menilai Laporan EIA mengikut bidang kepakaran seperti pakar permodelan kualiti air, pakar impak sosio ekonomi, pakar radioaktif dan lain-lain.
- Agensi Kerajaan yang merupakan agensi kerajaan persekutuan atau negeri atau badan berkanun yang berkaitan dengan bidang kuasa agensi bagi sesuatu cadangan pembangunan dan menganggotai Jawatankuasa Pengulas Teknikal Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment Technical Review Committee*, EIATRC)
- Orang Awam yang memberikan maklumbalas secara langsung di peringkat kajian EIA, pameran awam dan semasa peringkat post EIA. Kategori orang awam termasuk badan bukan kerajaan, para akademik, pelajar, penduduk atau mana-mana penerima sensitif yang terkesan secara langsung atau sebaliknya
- Pihak Meluluskan Projek yang merupakan pihak berkuasa yang meluluskan cadangan projek pembangunan. Contohnya, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa negeri dan kementerian
- Pegawai Alam Sekitar yang merupakan orang dilantik oleh Penggerak Projek dan bertanggungjawab dalam pengurusan alam sekitar dan semua langkah kawalan yang dilaksanakan di tapak cadangan pembangunan.
- Juruaudit Alam Sekitar yang merupakan orang yang layak melaksanakan Audit Alam Sekitar semasa pelaksanaan pembangunan daripada peringkat kerja tanah sehingga ke peringkat pengoperasian.

3. Statistik Penerimaan Laporan SIA dan EIA

3.1 Statistik Penerimaan Laporan SIA Di Semenanjung Malaysia


Setakat bulan April 2022, empat puluh (40) Laporan SIA telah dipertimbangkan di PLANMalaysia (16 SIA 1 & 24 SIA 2), di mana 37 telah lulus atau lulus tertakluk kepada pindaan. Lima puluh lapan (58) Laporan SIA 3 telah dipertimbangkan di PLANMalaysia@Negeri yang melibatkan Selangor (51), Pulau Pinang (4), Negeri Sembilan (2) dan Terengganu (1).

BILANGAN MESYUARAT PENILAI SIA (2016-2022)	
SIA 1 DAN SIA 2	SIA 3
• 40 Laporan SIA 16 Laporan 24 Laporan • 34 Mesyuarat  • 37 - Lulus/lulus pindaan • 3 - Tolak	58 Laporan SIA 3   Selangor 51 Laporan  Pulau Pinang 4 Laporan  Terengganu 1 Laporan  Negeri Sembilan 2 Laporan


3.2 Statistik Penerimaan Laporan EIA Di Malaysia

Statistik penerimaan Laporan EIA meningkat sejajar dengan pembangunan pesat negara. Untuk jangka masa 2009-2021, daripada 277 Laporan yang lulus pada tahun 2009 bilangannya meningkat ke 525 pada 2021. Bahagian besar daripada kelulusan laporan terdiri daripada Laporan EIA Jadual Pertama yang mengambil 84.6% dengan selebihnya Laporan EIA Jadual Kedua pada tahun 2021.


Dari segi agihan negeri, Selangor, Pahang dan Perak merupakan 3 negeri teratas menerima kelulusan Laporan EIA mengambil 21.9%, 14.1% dan 10.1% daripada jumlah keseluruhan tahun 2021. Tiga aktiviti terbanyak menerima kelulusan Laporan EIA pada tahun 2021 adalah pengolahan dan pelupusan buangan yang melibatkan 32.8%, perhutanan kebanyakannya untuk penyediaan ladang hutan (14.9%) dan pembangunan di Kawasan cerun (8.2%).



* Jumlah kumulatif Laporan EIA diterima daripada tahun 2009-2021 adalah 4,049 Laporan EIA



Bilangan laporan EIA yang diterima mengikut negeri bagi tahun 2021 (525 Laporan EIA)



Statistik 2021 kelulusan Laporan EIA menurut aktiviti

4. Pendekatan Pemantauan Pengurusan Impak Dan Kebolehlaksanaan Oleh PLANMalaysia Dan Jabatan Alam Sekitar

4.1 Pemantauan SIA


Proses pemantauan dalam SIA disediakan dalam Langkah ke6 iaitu terletak dalam perancangan pengurusan impak sosial (SIMP). SIMP merupakan proses menganalisis, memantau dan mengurus impak sosial yang dijangka berlaku atau yang tidak terjangka sama ada impak positif atau negatif ke atas sesuatu langkah intervensi (dasar, program, pelan dan projek) dan apa-apa proses perubahan sosial yang terhasil dari langkah intervensi tersebut.

“The processes of analysing, monitoring and managing the intended and unintended social consequences, both positive and negative, of planned interventions (policies, programs, plans and projects) and any social change processes invoked by these interventions”

- *The International Principles for Social Impact Assessment, 2015.*



SIMP bertujuan



Konsep tanggung jawab bersama dianuti oleh kedua penggerak projek dan kerajaan untuk memastikan kebolehcapaian hasrat SIMP.

i. Penggerak Projek

SIA adalah suatu proses perancangan (planning tool) bagi Penggerak Projek. Analisis kajian saintifik dan jangkaan impak dalam SIA harus membawa kepada perancangan projek yang lebih baik iaitu menjadikan projek lebih baik dari segi social, mengurangkan kos, meminimalkan kesan dan mematuhi peraturan.

ii. Kerajaan

SIA adalah suatu proses perancangan (planning tool) bagi Pihak Kerajaan. Laporan SIA harus menyediakan maklumat mencukupi dan boleh dipercayai tentang impak dan langkah pengurusan untuk membolehkan pihak Kerajaan membuat keputusan.

Di dalam SIA, aspek pemantauan boleh diperhatikan dalam prosedur berikut:



4.2 Pelaksanaan Pemantauan dan Penguatkuasaan EIA

Perlaksanaan penguatkuasaan merujuk kepada perundangan kepada Seksyen 34A (4) dan Seksyen 34AA yang berkaitan dengan Projek yang tidak mempunyai kelulusan laporan EIA dan Projek yang tidak mematuhi syarat kelulusan laporan EIA. Tindakan yang di ambil melibatkan:

- Notis Arahan
- Perintah Larangan (PL)
- Perintah Berhenti Kerja (PBK)
- Mahkamah
- Tawaran Kompaun bawah peraturan–peraturan dibawah AKAS 1974

Penguatkuasaan EIA telah dimasukkan pemantau atau kawal-selia sendiri berpandu “Guided Self Regulation’. Aspek ini dimasukkan sebagai syarat kelulusan laporan EIA dimana ada 7 elemen yang perlu diurusperdanakan oleh pihak pemaju.

Pelaksanaan pemantauan melibatkan

- Pemeriksaan dilapangan termasuk menggunakan dron dan pasukan *skuba (jika di laut)*.
- ‘Desktop enforcement’ termasuk pemantauan melalui konsep *digitilisasi* seperti Sistem Pemantauan Pematuhan EIA (SPPEIA) untuk ganti ‘ESC online’.
- Perwakilan kuasa secara perundangan seperti perwakilan kuasa kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk kawalan hakisan dan kelodakan dan pentadbiran Perbadanan.
- Operasi Bersepadu Bersama Pihak berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Agensi Penguatkuasa Lain.

Gambar-gambar di bawah memberi ilustrasi JAS menjalankan operasi bersepadu dengan agensi lain seperti



JAS Kelantan melaksanakan operasi bersepadu dengan Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Hutan, Jabatan Mineral dan Galian dan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi aktiviti ladang hutan.



JAS Johor melaksanakan operasi bersepadu dengan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri bagi aktiviti pembangunan bandar baru.



JAS Perak melaksanakan operasi bersepadu dengan Jabatan Hutan, Jabatan Mineral dan Galian dan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi aktiviti ladang hutan.



JAS Pulau Pinang melaksanakan operasi bersepadu dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (Ops Lumpur) bagi aktiviti pembangunan perumahan

Bilangan siasatan tahunan agak sama di sekitar 1,000 berjidar 948 hingga ke 1,344 setahun dalam jangkamasa 2015-2021 (Jadual 1). Dari segi status pematuhan siasatan menunjukkan bilangan kepatuhan berjidar antara 622 ke 929 setahun. Ini bersamaan dengan peratusan pematuhan di antara 60.0% ke 72.0% setahun dengan purata 67.3%.

Untuk jangkamasa yang sama 2015-2021, pelbagai tindakan susulan dibuat. Semestinya setiap siasatan ketidak patuhan akan dikenakan sitasi lapangan (field citation). Dari segi tindakan selanjutnya yang paling kerap dikenakan adalah pemberian notis melibatkan di antara 27.4% ke 39.1% setahun dengan purata 32.4% (Jadual 2). Tindakan kompaun juga dikenakan melibatkan antara 6.2% ke 17.0% setahun dengan purata 10.6%. Ada juga yang dikenakan tindakan mahkamah ini melibatkan di antara 0.4% ke 5.2% daripada bilangan siasatan tahunan dengan purata 2.4%. Di samping itu dikenakan juga tindakan perintah larangan atau perintah berhenti kerja (PL/PBK) yang ini melibatkan di antara 0% ke 1.5% berpurata 0.4% daripada jumlah bilangan siasatan setahun.

Jadual 1: Bilangan siasatan penguatkuasaan dan status pematuhan EIA 2015 – 2021 di tunjukkan di bawah

TAHUN	BIL. SIASATAN	STATUS PEMATUHAN SIASATAN		TINDAKAN SUSULAN				
		PATUH	TIDAK PATUH	FIELD CITATION	NOTIS	KOMPAUN	MAHKAMAH	PL/PBK
2015	1134	725	409	1134	323	127	26	1
2016	948	622	326	948	260	101	4	0
2017	1175	846	329	1175	392	81	24	4
2018	1156	798	358	1156	417	72	11	5
2019	1331	929	402	1331	417	93	40	17
2020	1344	806	538	1344	525	205	37	7
2021	1099	780	319	1099	322	187	57	16
JUMLAH	8187	5506	2681	8187	2656	866	199	50

Jadual 2: Peratusan pematuhan dan tindakan susulan yang dikenakan.

TAHUN	BIL. SIASATAN	STATUS PEMATUHAN SIASATAN		TINDAKAN SUSULAN				
		% PATUH	% TIDAK PATUH	FIELD CITATION (%)	NOTIS (%)	KOMPAUN (%)	MAHKAMAH (%)	PL/PBK (%)
2015	1134	63.9%	36.1%	100.0%	28.5%	11.2%	2.3%	0.1%
2016	948	65.6%	34.4%	100.0%	27.4%	10.7%	0.4%	0.0%
2017	1175	72.0%	28.0%	100.0%	33.4%	6.9%	2.0%	0.3%
2018	1156	69.0%	31.0%	100.0%	36.1%	6.2%	1.0%	0.4%
2019	1331	69.8%	30.2%	100.0%	31.3%	7.0%	3.0%	1.3%
2020	1344	60.0%	40.0%	100.0%	39.1%	15.3%	2.8%	0.5%
2021	1099	71.0%	29.0%	100.0%	29.3%	17.0%	5.2%	1.5%
JUMLAH	8187	67.3%	32.7%	100.0%	32.4%	10.6%	2.4%	0.6%

5. Halatuju Pemantauan Dan Kebolehlaksanaan Oleh PLANMalaysia Dan Jabatan Alam Sekitar

5.1 SIA

Cadangan Panduan Pelaksanaan Bagi Projek Pembangunan (PPSIA), 2022 ada mengesyorkan kategori SIA digolongkan dalam dua (2) kategori sahaja.


CADANGAN KATEGORI SIA – Cadangan Baru

SIA Kategori A	SIA Kategori B
1. Merujuk kepada GABUNGAN projek-projek Projek KATEGORI 1 DAN KATEGORI 2 yang telah tersenarai terdahulu di dalam Manual SIA Edisi Ke-2 di bawah SEKSYEN 20B dan SEKSYEN 22(2A) di dalam Akta 172. $\text{SIA}_{\text{Kat 1}} + \text{SIA}_{\text{Kat 2}} = \text{SIA}_{\text{Kategori A}}$ 2. Pengemukakan Laporan SIA oleh penggerak projek ke IBU PEJABAT PLANMalaysia. 3. Bagi projek-projek ini, cadangan pemajuan berserta laporan SIA PERLU DIKEMUKAKAN KEPADA MPFN untuk tujuan mendapatkan nasihat.	1. Projek-projek ini TIDAK MEMADAI UNTUK HANYA DIPERTIMBANGKAN melalui Laporan Cadangan Pemajuan yang disediakan di bawah perenggan 21A(1)(ea), Akta A1522; oleh itu memerlukan satu Laporan SIA yang berasingan (Stand Alone SIA) $\text{SIA}_{\text{Kat 3}} \text{ AIS} = \text{SIA}_{\text{Kategori B}}$ 2. Pengemukakan Laporan SIA ke PLANMalaysia@Negeri 3. Senarai projek boleh diperincikan lagi mengikut ketetapan PLANMalaysia@Negeri dan PBT; dan dikemaskini dari semasa ke semasa. 4. Perincian projek-projek ini boleh dirujuk melalui DOKUMEN TATACARA PEMROSESAN SIA di peringkat negeri

Laporan SIMP juga turut diadakan berasingan di antara impak negatif dan positif serta pemantauan Penggerak Projek dan Kerajaan supaya mudah untuk memantau. Akan diadakan


2 JENIS JADUAL SIMP

1. SIMP PEMANTAUAN OLEH PENGGERAK PROJEK
2. SIMP OLEH PEMANTAUAN AGENSI/JABATAN




Pemantauan menurut peringkat pembangunan projek untuk SIA A dan B adalah seperti berikut:


PEMANTAUAN PERINGKAT PEMBINAAN – SIA A DAN B



Peringkat Operasi – SIA A



Peringkat Operasi – SIA B



Ada dicadangkan peruntukan Akta baharu seperti berikut:

CADANGAN PERUNTUKAN AKTA BAHARU

1 SEKSYEN 2: TAFSIRAN

(1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“Laporan penilaian impak sosial” ertinya Laporan di bawah Seksyen 20C yang dikehendaki dikemukakan oleh seseorang pemohon untuk tujuan penerimaan nasihat dari Majlis Perancang Fizikal Negara di bawah Seksyen 20B dan Seksyen 22(2A) atau untuk tujuan di bawah Seksyen 21A.

2 SEKSYEN 20C: PERTIMBANGAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL

(1) Suatu laporan penilaian impak sosial yang disediakan di bawah subseksyen 20B(2) hendaklah **dikemukakan kepada Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa bagi kelulusannya.**

2 SEKSYEN 20C: PERTIMBANGAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL (samb.,)

(2) Laporan penilaian impak sosial yang dikemukakan hendaklah **secara umumnya menurut garis panduan yang disediakan oleh Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa** dan hendaklah mengandungi suatu **penilaian impak sosial** yang akan atau yang mungkin akan berlaku akibat cadangan sesuatu pemajuan, dan **langkah-langkah yang dicadang** akan diambil untuk mencegah atau mengurangkan impak sosial negatif, memaksimumkan impak sosial positif, dan menguruskan keseluruhan impak sosial yang terhasil akibat cadangan pemajuan tersebut.

(3) Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa boleh, selepas menimbangkan suatu laporan penilaian impak sosial yang dikemukakan kepadanya, sama ada **meluluskannya, dengan atau tanpa pindaan, atau menolaknya.**

(4) Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa hendaklah **menyenggara suatu senarai orang yang layak untuk menjalankan penilaian impak sosial.**

3 SEKSYEN 21A: LAPORAN CADANGAN PEMAJUAN

(1) Sebagai tambahan kepada dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dikehendaki supaya disampaikan di bawah seksyen 21(1) untuk kebenaran merancang, pemohon hendaklah menyampaikan suatu laporan cadangan pemajuan yang hendaklah mengandungi yang berikut

Peruntukan perenggan baru:

“Laporan penilaian impak sosial” ertinya Laporan di bawah Seksyen 20C yang dikehendaki dikemukakan oleh seseorang pemohon untuk tujuan penerimaan nasihat dari Majlis Perancang Fizikal Negara di bawah Seksyen 20B dan Seksyen 22(2A) atau untuk tujuan di bawah Seksyen 21A.

bawah Seksyen 21A.

5.2 EIA

Bagi menambahbaik prosedur EIA di Malaysia, Jabatan Alam Sekitar telah mengenalpasti lima (5) perkara iaitu:

- i. Memperkukuhkan keperluan perundangan berkaitan EIA dan tadbir urus dalam penilaian EIA.
- ii. Memperkasa prosedur EIA di Malaysia.
- iii. Pengukuhan Libat Urus Awam
- iv. Pemantapan Pasca - EIA
- v. Pendigitalan EIA

6. Kesimpulan

Umumnya, penyediaan dan pemantauan Laporan SIA di bawah kelolaan PLANMalaysia masih baru berbanding dengan penyediaan dan pemantauan Laporan EIA dibawah kelolaan Jabatan Alam Sekitar. Namun penyediaan dan kebolehlaksanaan Laporan SIA boleh mengikut jejak langkah yang dilalui proses EIA di bawah kelolaan Jabatan Alam Sekitar di dalam usahanya untuk mengurus impak alam sekitar daripada projek pembangunan.

Bagi SIA khususnya, boleh dirumuskan penyediaan Laporan SIA membantu pihak berkuasa membuat keputusan dengan lebih tepat dan memantau pelaksanaan projek dengan mengambil kira profil sosial setempat. Laporan SIA ini boleh membantu penggerak projek membuat cadangan pemajuan yang lebih baik dengan mengambil kira maklum balas pemegang taruh (*stakeholders*) dari segi lokasi, susun atur dan reka bentuk dan boleh melancarkan pelaksanaan projek dengan kerjasama komuniti setempat. Pelaksanaan SIA di peringkat Persekutuan dan Negeri penting untuk mengarus perdanakan aspek social dalam projek pembangunan demi pencapaian pembangunan inklusif atau mampan.

Pengiktirafan

Perkongsian dan pandangan ahli panel dan peserta yang menyumbangkan soalan dan idea sepanjang sesi Hard Talk amat kami hargai.

Penafian

Dalam semangat keterangkuman dan ketelusan, MSIA terbuka dan kerap menjemput pakar dari pelbagai bidang dan pihak berkepentingan untuk berkongsi perspektif mereka tentang bagaimana proses SIA boleh menjadi lebih inklusif dan digunakan dalam pelbagai profesion. Walau bagaimanapun, sebarang pandangan dan andaian yang dinyatakan hanyalah pandangan ahli panel dan tidak semestinya mencerminkan pandangan editor MSIA.